

# , MB Perak, Rokiah dipilih Tokoh Belia Kebangsaan

UM 16 MAY 2001

IPOH 15 Mei - Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohd. Tajol Rosli Ghazali dan Pengerusi Persatuan Wanita Negeri Kedah, Datuk Rokiah @ Maimon Zainudin masing-masing dipilih sebagai Tokoh Belia Lelaki dan Wanita Kebangsaan bagi tahun 2991.

Pemilihan kedua-dua tokoh itu, yang banyak terbabit dalam pergerakan belia, diumumkan pada Perhimpunan Hari Belia Negara yang diadakan di Stadium Perak di sini, malam ini.

Sebanyak sembilan tokoh belia dicalonkan untuk menerima anugerah bagi kategori khas itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyampaikan anugerah tersebut kepada kedua-dua tokoh berkenaan yang dipilih berdasarkan kepada sumbangan mereka yang berkesan dalam kerja-kerja pembangunan belia melalui pemikiran dan perkhidmatan yang cemerlang.

Apa yang menarik, kejayaan Tajol Rosli terpilih sebagai tokoh belia lelaki dicatat di bumi Perak sendiri selaku tuan rumah sambutan Hari Belia tahun ini apatah lagi ketika menyandang jawatan Menteri Besar Perak.

Pemilihan Tajol Rosli dibuat berdasarkan kepada sumbangannya sejak tahun 1979 dalam persatuan belia peringkat negeri Perak, kebangsaan dan antarabangsa.

Bermula sebagai Pengerusi Belia 4B Negeri Perak di antara tahun 1979-1992, Tajol Rosli tidak henti-henti menyumbang tenaganya sehingga dipilih memegang jawatan penting sebagai Naib Presiden Belia 4B Malaysia dari tahun 1985-1992, Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM) dari tahun 1982-1986 dan Presiden Belia 4B Malaysia di antara tahun 1991-1994.

Di peringkat belia antarabangsa, Tajol Rosli pernah memegang jawatan sebagai Setiausaha Agung Jawatankuasa Kerja Belia ASEAN (1982-1986), Setiausaha Agung Majlis Belia Asia (1986-1988) dan Presiden Majlis Belia Asia (1988-1991).

Bagi Rokiah pula, penglibatan aktif beliau dalam memperjuangkan nasib belia di peringkat negeri Kedah dan kebangsaan berjaya memikat hati panel hakim untuk memilih beliau sebagai tokoh belia wanita tahun ini.

Di peringkat negeri, beliau pernah menyandang jawatan Setiausaha Agung Pandu Putri Kedah (1975-1977), Naib Pengerusi II, Belia MAYC (1992-2000), Pengerusi Biro Hal Ehwal Wanita MAYC (1994 - 2999), Pengerusi Jawatankuasa Perunding Hal Ehwal Wanita (1996-1999), Pengerusi Persatuan Wanita Kedah dan Setiausaha Persatuan Tindakan Wanita Islam Kedah.

Di peringkat kebangsaan, beliau merupakan Exco MAYC Kebangsaan (1996-2000), Pengerusi Biro Kebajikan MAYC Kebangsaan (1988-1994), Pengerusi Biro Hal Ehwal Wanita MAYC Kebangsaan (1996-1998) dan Ahli Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (1996-1998).

Gerakan Belia 4B Cawangan Gelang Patah, Johor terpilih menerima anugerah Persatuan Belia Terbaik 2991. Kategori Kepimpinan Belia Terbaik dimenangi oleh Bendahari MAYC Pulau Pinang, Abu Bakar Md. Nor dari Bukit Mertajam.

Kategori Kesukarelaan dan Kemasyarakatan dimenangi ahli Persatuan Bulan Sabit Merah Selangor, M. Soma-sunthram dan kategori Usahawan dimenangi seorang kontraktor, Mohd. Yusof Aziz dari Rembau, Negeri Sembilan. Kategori Kemahiran dan Inovasi dimenangi oleh Rusdin Daud dari Kedah.